



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 5 NOVEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 sebanyak **839 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **25,654 kes** (70.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Secara keseluruhannya, sehingga 5 November 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **1,009 kes baharu** telah dilaporkan menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **36,434 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 10,503 kes**.

Untuk makluman, negeri Sabah mencatatkan sebanyak 564 kes (55.9 peratus) daripada keseluruhan kes positif pada hari ini. Negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan sebanyak 198 kes (19.6 peratus) dan Wilayah Persekutuan (WP) Labuan mencatatkan sebanyak 95 kes positif (9.4 peratus) pada hari ini. Kelima-lima negeri ini masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) menyumbang sebanyak 857 kes (84.9 peratus) daripada keseluruhan kes positif COVID-19 pada hari ini.

Sebanyak 112 kes (11.1 peratus) yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster penjara dan Pusat Tahanan Sementara (PTS). Ini melibatkan Kluster Penjara Sandakan (73 kes), Kluster Seberang Perai (14 kes), Kluster Penjara Kepayan (12 kes), Kluster Penjara Reman (12 kes), dan Kluster Tembok (1 kes).

Ingin dimaklumkan daripada 1,009 kes baharu pada hari ini, terdapat **sembilan (9) kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara** yang melibatkan empat (4) warganegara dan lima (5) bukan warganegara yang tiba dari negara:

- India (2 kes);
- Kazakhstan (1 kes);
- Indonesia (1 kes);
- Korea Selatan (1 kes);
- Nigeria (1 kes);
- Afrika Selatan (1 kes)
- Mexico (1 kes); dan
- Kemboja (1 kes).

Daripada 1,000 kes penularan di dalam negara, empat (4) kes merupakan pengunjung yang pulang dari Sabah. Ini menjadikan jumlah kes dilaporkan mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah sejak 20 September 2020 adalah sebanyak 483 kes.

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 564 kes**

- 119 kes daripada kluster-kluster, termasuk 17 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Sutera** dan **Kluster Ria-30**;
 - 254 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - 191 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Selangor: 177 kes**
 - 83 kes daripada kluster-kluster, termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tamar**;
 - 53 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Tiga (3) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah);
 - Satu (1) kes saringan *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI); dan
 - 37 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Labuan : 92 kes**
 - 31 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 43 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Satu (1) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah); dan
 - 17 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Negeri Sembilan : 90 kes**
 - 71 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 16 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang : 36 kes**
 - 34 kes daripada kluster-kluster, termasuk tiga (3) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Intan**; dan
 - Dua (2) daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur : 14 kes**
 - Enam (6) kes daripada kluster-kluster, termasuk empat (4) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Danau**;
 - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah : Tujuh (7) kes** daripada kluster-kluster sedia ada.

- **Sarawak : Enam (6) kes**
 - Empat (4) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak : Enam (6) kes**
 - Dua (2) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka : Lima (5) kes** daripada kluster-kluster sedia ada.
- **Johor : Dua (2) kes**
 - Satu (1) kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI); dan
 - Satu (1) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya : Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.

Sehingga kini, terdapat **78 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **28 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **enam (6) kes** kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **277 kes** (0.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes-kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

Kes No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
272	35267	Selangor	Lelaki (WN)	61	Hospital Selayang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, asma dan penyakit jantung
273	34011	Sabah	Lelaki (WN)	62	Hospital Duchess of Kent	Penyakit darah tinggi, strok dan penyakit Tibi
274	24193	Sabah	Lelaki (WN)	54	Hospital Duchess of Kent	Penyakit darah tinggi
275	35035	Sabah	Lelaki (WN)	77	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit batu karang
276	35036	Sabah	Lelaki (BWN)	80	Hospital Tawau	Penyakit kencing manis, darah tinggi, gout dan lumpuh anggota
277	34012	Sabah	Perempuan (BWN)	92	Hospital Duchess of Kent	Orang Kelainan Upaya (buta)

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

LIMA (5) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **lima (5) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1. KLUSTER SUTERA

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kota Kinabalu di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-35499 dan kes ke-35500) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu-individu bergejala pada 2 November 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 13 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 5 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 32 individu telah disaring, di mana:

- 15 kes dikesan positif COVID-19 (**15 kes baharu**);
- Enam (6) individu dikesan negatif; dan
- 11 individu masih menunggu keputusan.

2. KLUSTER RIA-30

Kluster baharu ini melibatkan daerah Tuaran di negeri Sabah. Kes-kes bagi kluster ini telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan komuniti sejak 2 November 2020. Kesemua kes dalam kluster ini dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah Intan di Sepanggar, Sabah

Sehingga 5 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 254 individu telah disaring, di mana:

- 11 kes dikesan positif COVID-19 (**2 kes baharu**);

- 121 individu dikesan negatif; dan
- 122 individu masih menunggu keputusan.

3. KLUSTER TAMAR

Kluster baharu ini melibatkan daerah Petaling di negeri Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke- 32410) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 1 November 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak sembilan (9) lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

Sehingga 5 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 137 individu telah disaring, di mana:

- 10 kes dikesan positif COVID-19 (**1 kes baharu**);
- 57 individu dikesan negatif; dan
- 70 individu masih menunggu keputusan.

4. KLUSTER INTAN

Kluster baharu ini melibatkan daerah Timur Laut di negeri Pulau Pinang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke- 30788) yang merupakan seorang bukan warganegara, telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan sebelum pulang ke negara asal pada 29 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak lapan (8) lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang.

Sehingga 5 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 98 individu telah disaring, di mana:

- Sembilan (9) kes dikesan positif COVID-19 (**3 kes baharu**);
- 35 individu dikesan negatif; dan

- 54 individu masih menunggu keputusan.

5. KLUSTER DANAU

Kluster baharu ini melibatkan daerah Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-29286) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 27 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak tujuh (7) lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

Sehingga 5 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 82 individu telah disaring, di mana:

- Lapan (8) kes dikesan positif COVID-19 (**4 kes baharu**);
- 40 individu dikesan negatif; dan
- 34 individu masih menunggu keputusan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.

- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (**Wash**), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (**Wear**), dan (**Warn**) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM

akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

5 November 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1

BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA (SEHINGGA 5 NOVEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	564	18,083
SELANGOR	180 (3)	5,590
W.P. KUALA LUMPUR	17 (3)	3,118
KEDAH	7	2,172
NEGERI SEMBILAN	90	1,836
PULAU PINANG	36	1,132
SARAWAK	6	942
JOHOR	2	921
W.P. LABUAN	95 (3)	796
PERAK	6	534
PAHANG	0	395
MELAKA	5	318
TERENGGANU	0	213
KELANTAN	0	184
W.P. PUTRAJAYA	1	162
PERLIS	0	38
JUMLAH KESELURUHAN	1,009 (9)	36,434

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini
(5 November 2020)**

Bil.	Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	Jumlah Kematian
1	Penjara Sandakan	Sabah	Sandakan	73	112	444	112 (0)	0	0
2	Cergas	Negeri Sembilan	Seremban	50	76	406	76 (0)	0	0
3	Kaya	Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Melaka, Selangor	Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah, Lembah Pantai, Cheras, Kepong, Putrajaya, Melaka Tengah, Sepang, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat	31	507	1,525	371 (0)	136	0

4	Usaha	Selangor, WP Kuala Lumpur	Klang, Petaling, Kuala Langat, Titiwangsa, Lembah Pantai	23	84	96	81 (0)	3	0
5	Hentian	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan	Hulu Langat, Petaling, Sepang, Klang, Gombak, Cheras, Titiwangsa, Putrajaya, Seremban	22	347	2,190	257 (0)	90	0
6	Penjara Seberang Perai	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	14	317	5,332	71 (1)	246	0
7	Titian	WP Labuan	Labuan	13	42	530	42 (0)	0	0
8	Penjara Kepayan	Sabah	Kota Kinabalu, Papar, Penampang, Sipitang	12	1,796	3,931	874 (0)	922	0
9	Penjara Reman	Pulau Pinang	Timur Laut	12	509	2,965	41 (0)	467	1
10	Saguking	WP Labuan	Labuan	10	308	3,539	179 (0)	128	1

11	Lengkuk	Selangor, Negeri Sembilan	Sepang, Seremban, Port Dickson, Rembau	9	33	147	33 (0)	0	0
12	Permatang	Kedah, Pulau Pinang	Kulim, Langkawi, Kota Setar, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Selatan, Timur Laut	9	23	866	23 (0)	0	0
13	Tenaga	WP Labuan	Labuan	8	66	151	66 (0)	0	0
14	Titir	Sabah	Keningau	7	134	2,004	85 (0)	49	0
15	Basung	Sabah	Kudat	7	80	689	57 (0)	23	0
16	Melati	WP Kuala Lumpur, Selangor, Pahang, Perak	Titiwangsa, Kepong, Cheras, Klang, Petaling, Hulu Langat, Kuantan, Bagan Datuk, Hilir Perak	5	76	398	31 (1)	45	0
17	Bah Medan	Selangor	Sepang	4	36	87	25 (0)	11	0

18	Taman Laut	Selangor	Petaling	4	27	123	25 (1)	2	0
19	Tujuh Serangkai	Sabah	Tuaran, Kota Kinabalu	3	399	4,433	130 (0)	267	2
20	Bayan	Pulau Pinang, Kedah, Perak	Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Bandar Baharu, Kubang Pasu, Kuala Muda, Kulim, Kota Setar, Kerian, Larut Matang & Selama	3	95	1,970	66 (3)	29	0
21	Astaka	Selangor, Pahang	Petaling, Hulu Langat, Kuala Selangor, Klang, Maran	3	56	156	52 (0)	4	0
22	Wisma Saberka	Sarawak	Kuching	3	19	679	19 (0)	0	0
23	Keladi	Selangor	Klang, Kuala Langat	2	47	345	12 (0)	35	0

24	Jernih	Negeri Sembilan	Seremban	2	19	118	9 (0)	10	0
25	Tembok	Kedah, Perak	Kota Setar, Baling, Kuala Muda, Sungai Petani, Kubang Pasu, Padang Terap, Sik, Larut Matang & Selama	1	1,754	9,106	274 (6)	1,476	4
26	Utama	Selangor, Melaka, WP Kuala Lumpur	Gombak, Hulu Langat, Petaling, Kuala Selangor, Sepang, Alor Gajah, Lembah Pantai, Titiwangsa, Kepong, Cheras	1	251	1,209	40 (0)	211	0
27	Bah Tropicana	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Petaling, Gombak, Klang, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong, Cheras	1	64	871	22 (0)	42	0
28	Greenhill	Sarawak	Kuching, Miri, Bintulu	1	64	762	55 (0)	9	0

29	Buntar	Kedah, Perak, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Johor, Selangor, Pulau Pinang	Kuala Muda, Kerian, Kinta, Larut Matang & Selama, Batang Padang, Hilir Perak, Kepong, Putrajaya, Batu Pahat, Johor Bahru, Petaling, Sepang, Seberang Perai Selatan	1	57	1,051	11 (1)	46	0
30	Mentari	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur	Petaling, Klang, Gombak, Hulu Langat, Seremban, Kepong	1	32	112	13 (1)	18	1
31	Bukit	Melaka	Melaka Tengah, Jasin, Alor Gajah	1	17	631	3 (0)	14	0
32	Aero	Selangor	Petaling	1	12	96	12 (0)	0	0